

Newspaper	Berita Harian
Date	29 May 2015

TIA tak diberi dana permulaan RM500j

BH - 29/5/2015

» Kerajaan ambil alih dengan harga RM1,000,002

Oleh Rohaniza Idris, Haspaizi Mohd Zain dan Norakmah Mat Youb
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kenyataan Ahli Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin bahawa Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA) diberi dana permulaan RM500 juta adalah tidak benar.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak berkata, Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih TIA daripada Kerajaan Negeri Terengganu pada 25 September 2009 dengan harga sebanyak RM1,000,002.

TIA ditukar nama

"TIA seterusnya ditukar nama kepada IMDB," katanya dilam jawapan bertulis kepada Mohamed Hanipa yang dikeluarkan kelmarin.



“Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih TIA daripada Kerajaan Negeri Terengganu pada 25 September 2009 dengan harga sebanyak RM1,000,002”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Mohamed Hanipa dalam soalnya meminta Menteri Kewangan menyatakan sama ada TIA yang ditubuhkan pada 2008 sebelum IMDB telah di-

berikan dana permulaan RM500 juta.

Sementara itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, ber-

kata beliau akan membentangkan pelan hala tuju IMDB dalam mesyuarat Kabinet hari ini.

Beliau berkata, pelan yang turut melihat struktur IMDB itu digubal sebagai usaha menangkis persepsi negatif terutama isu berkaitan tanggungan hutang.

Beliau berkata, antara perkara yang diperkukuhkan adalah penstrukturan untuk menyesuaikan perniagaan yang berpadanan dengan pembiayaan.

Banyak salah faham "Saya akan bentangkan kepada Kabinet mengenai pelan hala tuju itu kerana banyak salah faham mengenai IMDB yang ditimbulkan pihak tertentu.

"Selepas ini dilakukan, semuanya akan selesai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Koperasi Nasional 2015, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Datuk Lamien Sawiyo.

Ahmad Husni menjelaskan IMDB sememangnya mempunyai perancangan, tetapi disebabkan beberapa isu yang timbul, pelan hala tuju akan dibentangkan ke Kabinet sebelum diumumkan.

Beliau berkata, kerajaan juga akan memastikan penyelesaian isu mengenai IMDB dibuat dari semasa ke semasa.